

21/05/1999

Peluang tabur bakti: Abdul Kadir

SHAH ALAM, Khamis - Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir yang dilantik sebagai Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan hari ini, menyifatkan pelantikan itu sebagai peluang untuk berkhidmat dengan lebih berkesan.

Beliau yang menjadi timbalan menteri selama 16 tahun, mengucapkan terima kasih kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerana memberi kepercayaan kepadanya untuk menganggotai Kabinet.

"Sebagai ahli jemaah menteri sudah tentu saya dapat berkhidmat kepada kerajaan dengan lebih berkesan," katanya mengulaskan rombakan Kabinet yang diumumkan Perdana Menteri hari ini.

Dalam rombakan itu, Abdul Kadir menggantikan Datuk Sabbaruddin Chik yang meletak jawatan, manakala Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azmi Khalid, akan mengambil alih jawatan Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Mengenai Kementerian Dalam Negeri yang akan ditinggalkannya, Abdul Kadir berkata, beliau agak sedih untuk meninggalkan kementerian yang baru disertainya itu kerana amat berharap dapat membantu Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang juga Menteri Dalam Negeri.

"Saya yakin Azmi sebagai orang kanan dalam parti dan amat rajin bekerja, dapat membantu Timbalan Perdana Menteri," katanya.

(END)